

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan.

Bab ini akan membincangkan mengenai rumusan dapatan kajian ini. Beberapa cadangan juga disertakan dan juga cadangan untuk kajian lanjutan. Bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu :

1. Rumusan Dapatan Kajian.
2. Cadangan-Cadangan
3. Cadangan Kajian Selanjutnya.

5.1 Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru berpendapat bahawa kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah selari dan relevan dengan matlamat pendidikan negara dan objektif pendidikan Ekonomi Asas. Oleh itu tidak terdapat percanggahan di antara penetapan matlamat pendidikan Ekonomi Asas dengan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Kandungan kurikulum pendidikan

Ekonomi Asas ini telah disesuaikan dengan kehendak matlamat dan objektif pendidikan. Kajian oleh Juliana (1993) berkenaan matlamat dan objektif pendidikan Sains dengan kandungan kurikulum pendidikan Sains mendapati bahawa kandungan kurikulum Sains Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah adalah selari atau relevan dengan kandungan kurikulum pendidikan Sains. Ini menunjukkan bahawa kandungan kurikulum yang disediakan dalam mata pelajaran KBSM adalah telah mengambil kira matlamat dan objektif yang hendak dicapai dalam pendidikan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru Ekonomi Asas memahami dan menghayati keseluruhan matlamat kurikulum pendidikan negara dan pendidikan Ekonomi Asas. Mereka memahami matlamat yang harus diberi penekanan dalam pengajaran mereka agar matlamat pendidikan negara dan objektif pendidikan Ekonomi Asas itu sendiri dapat dicapai dengan jayanya. Mitchell (1982) dalam kajiannya mengatakan bahawa dengan penetapan matlamat tujuan atau arah tujuan menjadi jelas berbanding dengan ketiadaan matlamat. Kajian ini disokong oleh beberapa kajian lain yang dijalankan di Amerika Syarikat dan Kanada. Punet (1986) mencadangkan agar penetapan matlamat mesti mengambil kira keadaan persekitaran. Bandura (1977) mengatakan bahawa matlamat akan menyediakan satu bentuk motivasi dalam diri individu berbanding tanpa matlamat. Kepuasan dalam prestasi akan dapat dirasai dengan tercapainya matlamat yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa guru-guru memahami, menguasai dan dapat menghayati kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Mereka juga

menpunyai keyakinan dalam melaksanakan tugas pengajaran mereka dan merealisasikan matlamat pendidikan negara. Ini menunjukkan guru-guru bersedia dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan keyakinan dan dedikasi. Penguasaan isi kandungan dan kaedah pengajaran akan memudahkan penyampaian maklumat pengetahuan kepada para pelajar mereka. Dengan kekuahan pengetahuan dan kefahaman guru terhadap isi kandungan mata pelajaran ini, maka guru-guru ekonomi haruslah menpunyai kemahiran untuk menarik minat pelajar untuk menyukai mata pelajaran ini.

Meinkoth (1971) menyatakan di samping memberi perhatian kepada penyampaian isi kandungan pelajaran, guru ekonomi haruslah turut memberi perhatian kepada usaha memberangsangkan minat minat pelajar. Sehubungan itu, Haladyna et al. (1982) berpendapat bahawa kualiti pengajaran guru merupakan satu faktor yang boleh menpengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Sains Sosial.

Dapatan kajian mendapati bahawa isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah sesuai dengan keperluan pelajar dan masyarakat. Mereka berpendapat bahawa setiap pelajar sepatutnya mempelajari mata pelajaran ini kerana aspek ekonomi sentiasa dihadapi oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Dengan pemahaman dan pengetahuan berkaitan mata pelajaran ini akan membolehkan mereka menyiapkan diri dalam menjadi masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa guru-guru bersetuju dengan pemilihan isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Mereka bersepakat bahawa isi

kandungan kurikulum mata pelajaran ini dapat dipelajari dan sesuai dengan tahap kesediaan para pelajar. Walaupun terdapat tajuk-tajuk yang agak sukar kepada pelajar namun masih boleh dipelajari sekiranya pelajar-pelajar bersikap positif dengan pembelajaran. Kajian oleh Rhine dan Parker (1989) mendapati bahawa sikap terhadap mata pelajaran Ekonomi di kalangan pelajar-pelajar memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Zimbardo dan Ebbesen (1970) mendapati bahawa pelajar-pelajar yang menpunyai sikap yang positif terhadap sesuatu mata pelajaran akan menunjukkan tingkah laku belajar yang positif. Tingkah laku pelajar yang positif ini akan menpengaruhi daya usaha pelajar untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Dapatkan kajian juga mendapati bahawa penyusunan isi kandungan mata pelajaran ini adalah sesuai dengan tahap kesediaan pelajar-pelajar peringkat menengah atas. Penyusunan yang dibuat iaitu daripada tajuk yang mudah kepada tajuk yang lebih sukar, daripada yang bersifat konkret atau dekat dengan pengalaman pelajar didahulukan daripada aspek yang abstrak dan jauh daripada pengalaman para pelajar. Pelajar-pelajar yang telah memahami asas akan menceruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan sukar.

Dapatkan kajian juga mendapati bahawa terdapat perkaitan di antara mata pelajaran ini dengan mata pelajaran yang lain seperti Matematik dan Kemahiran Hidup. Pelajar-pelajar yang menpunyai tahap kemahiran dan penguasaan yang baik dalam Matematik mungkin lebih mudah menpelajari mata pelajaran ini. Ini adalah kerana

kemahiran Matematik diperlukan di dalam kebanyakkan tajuk Ekonomi Asas. Selain daripada itu pendedahan awal pelajar di peringkat menengah rendah seperti mata pelajaran Kemahiran Hidup akan memberi gambaran awal tentang mata pelajaran ini di peringkat yang lebih rendah.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru berpendapat bahawa buku teks Ekonomi Asas sama ada buku teks Tingkatan IV mahupun Tingkatan V dapat menterjemahkan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Terdapat keselarian di antara kehendak kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dengan kandungan buku teks. Namun begitu, terdapat sedikit kelemahan yang perlu diperbaiki terutamanya dari aspek pembentukan dan kepelbagaiannya aras soalan atau latihan , data-data dan maklumat yang agak lama. Kajian oleh Juliana (1983) ke atas buku teks Sains mendapati bahawa guru berpendapat bahawa kandungan buku teks adalah sesuai dan mencukupi untuk pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju bahawa Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia sangat membantu mereka di dalam memahami dan menghayati matlamat dan objektif kurikulum pendidikan Ekonomi Asas. Kandungan yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini uga membantu guru dalam memahami aspek-aspek serta tajuk-tajuk yang sepatutnya diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Ekonomi Asas. Selain daripada itu, ia juga memberi panduan kepada guru dalam merancang tajuk pembelajaran dengan pembahagian kepada

tajuk-tajuk dalam membentuk Rancangan Kerja Tahunan. Di samping itu ia juga memberi panduan berkaitan aspek nilai yang perlu diberi perhatian oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

5.2 Cadangan-Cadangan

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa penilaian guru terhadap isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah relevan dengan matlamat dan objektif pendidikan. Pemilihan dan penyusunan isi kandungan juga adalah sesuai dan relevan dengan kehendak pelajar. Buku teks dan Huraian Sukatan Pelajaran yang dibekalkan juga berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian beberapa aspek yang perlu diperkemaskan dan boleh dipertingkatkan. Antara cadangan-cadangannya ialah :

1. Pemahaman dan penghayatan matlamat pendidikan negara dan matlamat serta objektif kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah perlu terutamanya kepada guru-guru. Ini adalah kerana guru akan bertindak sebagai pelaksana utama sesuatu kurikulum. Pemahaman dan penghayatan matlamat serta objektif pendidikan akan memastikan hasrat pendidikan boleh dicapai. Kekurangan penghayatan akan menyebabkan matlamat pendidikan menjadi pincang dan pemberatan ke arah peperiksaan akan berterusan dan sebagai akibatnya hasrat murni pendidikan untuk menyuburkan aspek afektif akan

terbantut. Adalah dicadangkan guru-guru diberi pendedahan mengenai matlamat pendidikan negara dan matlamat serta objektif pendidikan sesuatu mata pelajaran. Pendedahan ke arah ini boleh dilakukan melalui bengkel, kursus, latihan-latihan yang disediakan kepada guru agar guru memahami dan menghayati sepenuhnya matlamat pendidikan yang dibentuk.

2. Mata pelajaran ini didedahkan buat pertama kalinya kepada pelajar-pelajar Tingkatan IV. Oleh itu adalah wajar guru-guru menpunyai tahap kefahaman dan pengetahuan dalam mata pelajaran ini. Guru-guru yang berpengetahuan tentunya menpunyai keyakinan dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran dan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran. Dengan itu adalah dicadangkan agar guru-guru yang dipilih untuk mengajar mata pelajaran ini mestilah guru yang berkelulusan opsyen Ekonomi. Guru-guru ini juga seharusnya sentiasa mendapat latihan, kursus, bengkel untuk memantapkan kemahiran, pengetahuan dan kebolehan mereka sama ada pengajaran, pengendalian kelas dan peningkatan mata pelajaran ini.
3. Pembentukan individu pelajar bukan hanya berdasarkan kejayaan yang baik dalam peperiksaan, tetapi juga pembinaan nilai watak yang merangkumi keseluruhan aspek pembangunan diri individu. Memandangkan aspek pembinaan diri individu adalah sesuatu yang sukar maka perhatian khusus mestilah diberikan kepada pembentukan unsur-unsur ini dalam setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran. Adalah dicadangkan agar guru-guru sentiasa

memberi penekanan kepada aspek pembangunan diri individu dan pembinaan sahsiah diri dalam setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran dan bukan hanya dianggap sambil lewa sahaja. Nilai-nilai murni merentas kurikulum mesti ditekankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

4. Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa tajuk yang sukar kepada pelajar-pelajar. Namun begitu pengkaji berasaskan bahawa tajuk yang sukar itu bukan bersifat global atau menyeluruh. Sekiranya terdapat tajuk yang agak sukar maka gurulah yang seharusnya 'memudahkannya'. Penggunaan pelbagai alat bantu, contoh, pelbagai kaedah pembelajaran mungkin akan membantu menjadikan tajuk yang sukar lebih mudah difahami. Oleh itu dicadangkan guru-guru mestilah menguasasi teknik, kaedah penyampaian isi kandungan mata pelajaran. Guru juga seharusnya merancang pengajaran mereka agar pengajaran menjadi lebih bermakna dan berfaedah.
5. Kajian ini juga mengemukakan beberapa kelemahan yang agak ketara dalam kandungan buku teks seperti kelemahan dalam penyediaan latihan, aktiviti, data dan maklumat dan sebagainya. Oleh yang demikian sewajarnyalah diadakan satu penilaian semula agar kandungan buku teks tersebut dapat diperkukuhkan atau dikemaskinikan. Aspek yang agak lemah mestilah diperkukuhkan agar penggunaannya dapat dimaksimakan oleh bukan sahaja pelajar malahan para guru.

6. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas adalah amat berguna dalam membantu guru merancang dan memahami sukatan pelajaran. Namun begitu adalah dicadangkan agar Huraian Sukatan Pelajaran juga memberi penekanan kepada panduan membentuk soalan atau latihan. Ini adalah kerana kebanyakan guru tidak mahir dalam membina item soalan atau latihan. Ini menyebabkan latihan atau soalan yang diberi tidak dapat menguji sepenuhnya minda pelajar. Guru juga perlu diberi pededahan dalam pembinaan soalan atau latihan dalam pelbagai aras, dan bukannya hanya menguji aspek kefahaman, pengingatan fakata sahaja malahan mestilah menrangkumi aras sintesis, aplikasi dan penilaian. Kursus-kursus begini tentunya bermanfaat kepada guru dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan guru.

5.3 Cadangan Kajian Selanjutnya

Kajian ini hanya melihat penilaian guru terhadap aspek kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM KBSM mengikut penilaian tujuh guru yang mengajar mata pelajaran ini di tujuh buah sekolah. Maka dicadangkan kajian seperti ini dilanjutkan ke peringkat yang lebih besar dan menyeluruh contohnya peringkat negeri atau negeri-negeri yang lain. Kajian-kajian seperti ini akan dapat memberi gambaran yang lebih

menyeluruh serta lebih tepat tentang aspek kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas.